

MRT Corp ujur hasil RM2.5 juta dari 19 stesen SBK



HARIS FADZILAH (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Urusan Noras Delight, **Nor Anisazila Abdul Rahim** pada Majlis Pengenalan Peruncit Stesen Laluan MRT SBK di Seri Kembangan semalam.

SERI KEMBANGAN – Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) mengunjurkan hasil tahunan sebanyak RM2.5 juta menerusi penyewaan ruang runcit di 19 stesen bertingkat di sepanjang Laluan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang dijadual dilancarkan pada 15 Disember ini.

Pengarah Pengurusan Komersial dan Tanahnya, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, sebanyak 15 daripada 49 pembida yang mengemukakan 223 permohonan untuk menyewa ruang runcit di stesen berkenaan memenangi bidaan itu pada April lalu.

“Penyewaan tetap berasaskan lokasi stesen iaitu dari RM1,200 hingga RM3,500 bagi lot 200 kaki persegi (19.9 meter persegi).

“Sebanyak 50 peratus peratus syarikat akan beroperasi pada Disember ini dan selebihnya mulai Julai 2017,” katanya kepada pemberita pada Majlis Pengenalan Peruncit Stesen Laluan MRT SBK di sini semalam.

Haris Fadzilah berkata, daripada 15 syarikat itu, 10 merupakan jenama tempatan dengan 44 peratus premis dikendalikan oleh usahawan bumiputera termasuk seorang pengusaha kelainan upaya, dengan bantuan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

“Antara kriteria pemilihan jenama ialah syarikat mesti berada dalam pasaran sekurang-kurangnya selama tiga tahun serta memiliki pengalaman dan standard dalam pengendalian jumlah pelanggan yang ramai.

“Kontrak membabitkan tem-

poh dua tahun dan boleh diperbaharui berdasarkan prestasi,” jelasnya.

Antara jenama runcit antarabangsa yang akan beroperasi di stesen-stesen terlibat ialah Watsons, 7-Eleven dan Family Mart, manakala jenama tempatan terdiri daripada myNews.com, Noras Delight dan Rotiboy.

Pada majlis berkenaan, wakil-wakil dari 15 syarikat menerima Buku Panduan Peruncit yang mengandungi butiran mengenai premis terbabit bagi memastikan pengalaman runcit MRT secara kolektifnya dapat dicapai.

Bidaan tender untuk pusin-gan seterusnya akan dibuka pada akhir tahun bagi tujuh stesen bawah tanah MRT di pusat bandar raya. – Bernama